

# Utara



ABDUL Mazin Abdul Jami mementa mata keris yang telah terbentuk secara miring sehingga bentuknya membengkok ke bawah.



PARANG dan golok mempunyai identiti tersendiri.

## Abdul Mazin terima tempahan dari istana, individu-individu dari luar negara

# Keris Kuala Kangsar dikomersia

Oleh KHAIROL ABDIN NIJAR  
 utusanperliv@utusan.com.my

**TPOH** 10 Dis. — Terdapat pelbagai jenis keris yang pernah menjadi senjata utama pada zaman dahulu. Ada yang buatan tempatan dan lain negara seperti Bali, Rajas, Meko, Sumatera, Madura, Pattani, Bugis dan Jawa. Terdapatnya mempunyai keibatan tersendiri tersendiri dari segi bilahnya. Di Semenanjung Malaysia, jenis keris boleh diperibadikan melalui tiga jenis mata bilahnya.

Abdul Mazin Abdul Jami, 66, pembuat keris tunggal di Kuala Kangsar berkata, tiga jenis keris utama tersebut ialah anak alang (mata bilah panjang tegak), kok (mata bilah berlekuk-kekuk) dan hukum (mata bilah sepanjang 50 sentimeter).

Di yang mula berkecimpung dalam pembuatan keris sewaktu berusia 12 tahun, pada awalnya mempelajari seni warisan zaman-berzaman itu daripada datuknya yang kemudiannya dipertuturkan kepada ayahnya, Abdul Jami Pandak Mat Yunos.

Kini, dia yang turut menghasilkan golok dan parang di Bengkel Pandak Mat di rumahnya atau di Kampung Padang Changkat, Bukit Chandan, meraih pendapatan melalui pengkomersialan keris buaatannya.

Melalui itu, harga sebuah keris yang paling mahal pernah dihasilkan mencecah sehingga RM6,000, namun ia bergantung kepada saiz dan kualiti serta bahan asal pembuatannya.

Bapa kepada 12 anak yang berkecimpung sepekat masa dalam pembuatan keris ini mendapat tempahan daripada istana, individu-individu termasuk dari luar negara seperti New Zealand, Amerika Syarikat (US), United Kingdom (UK) dan Jepun.

Menceritakan tentang pembuatannya, Abdul Mazin berkata, sebilah keris paling



SEBAGIAN keris yang dibuat oleh Abdul Mazin Abdul Jami.

cepat dapat terbentuk dalam tempoh tiga minggu sementara yang berkualiti tinggi boleh mengambil masa selama dua bulan.

"Bahan asul untuk membuat keris adalah besi waja, besi tawar, besi trelak yang dilakir kemas sebelum dibalut untuk dipampatkan berbandi satu kepingan logam aloi.

"Naiman, dari segi puaul puaul, ia perlu dikampong dengan tujuh jenis yang namanya berpangkal dengan huruf 'P' iaitu besi paku, puyung, pagar, palat, puting, pisau dan penokok" katanya.

Dia berkata, setiap besi tersebut mempunyai maknanya tersendiri, misalnya, besi paku adalah untuk memperhatikan diri sendiri dalam setiap pagat bertujan menjaga keselamatan si pemilikinya.

Malah katanya, setiap keris mempunyai maksud yang boleh ditafsir dari segi pernakniban bermula dari hulu sehingga ke bilahnya.

Bercerita dengan lebih lanjut mengenai teknik pembuatannya, katanya, mata keris

akan mula terbentuk apabila besi dibakar dan diketuk secara bertalu-talu sebelum dipotong dan dipanaskan semula berulang-ulang kali.

Dia berkata, apabila mata keris telah terbentuk, ia akan dibakar sekali lagi dan ketemuanya dirupa secara miring sehingga bentuknya membengkok ke bawah.

"Mata keris yang telah bengkok tadi seterusnya dipalangkan ke arah bertentangan dan ditempa lagi sama seperti kaedah sebelumnya. Cuma bezanya, kedudukan ia dianjak sedikit ke atas bilah secara bersebelang-sebelang sehingga ke hujungnya" katanya.

Dari segi alat pembuatan, dapur arang digunakan untuk melebur campuran besi selain anas digunakan sebagai tempat untuk menetek dan menempa besi panas.

Selain itu, mesang yang juga dikenali sebagai kelubung di Perak, merupakan alat penting dalam kerja pertukangan besi di mana ia berfungsi menghamburkan angin yang terperangkap masuk ke dalam suliran

dapur untuk menempaa besi.

Rapam besar pula digunakan sebagai pengatur mata dan hulu keris bagi membentuk dan memudahkan kerja keris membentuk bilahnya.

Untuk pembuatan hulu keris puaul, kayu terpilih seperti kemuning, surian, sena seribu, puaul (kolong) digunakan kerana dipercayai lebih tahan lama selain ia mampu melindungi keserikan keris tersebut walaupun sudah lama disimpan.

Abdul Mazin mengatakan mempunyai panyajilatan dan kawalannya membolehkan keris yang dibuatnya kini itu kepada dua anaknyanya iaitu Sariful Harzin, 25, dan Mohd. Hafiz, 25, yang menunjukkan minat untuk mewarisi.

Malah, dia tidak lokek untuk berkongsi pengetahuannya itu kepada mahasiswa Universiti Teknikal Malaysia (UTM) yang datang ke rumahnya untuk menjalan projek akhir semasa tiga bulan.

Dalam pada itu, katanya, keris dan golok mempunyai perbezaan tersendiri bukan sahaja dari segi bentuknya, tetapi juga bahan asulnya kerana golok hanya diperbuat daripada sejenis besi sahaja.

Dia berkata, terdapat tujuh jenis golok iaitu golok perak, daun buluh, gedubung, penuh, lampam, jani pekar, tembau dan tumbuk lada.

"Panjang golok biasanya tidak melebihi 50 sentimeter dan yang paling kerap digunakan dalam kerja-kerja sehari-hari ialah golok perak penuh" katanya.

Sementara itu, katanya juga, orang ramai turut mula melupakan tujuh jenis kepribadian jenis parang yang dihasilkan pada zaman dahulu.

Menurutnya, tujuh jenis parang itu ialah parang buaya betanang, rangi, sundek, tengkuik biawak, belotang, bandung, dan candung.

### Temui TTPR Ahad ini

**BUKIT MERTAJAM 10 Dis.** — Pembeli rumah di projek Taman Merbau Jaya dan penduduk sekitar Sungai Dua diwajibkan menghadiri program 'Jutanan Pembeli Rumah (TTPR) Zon Utara di taman itu Ahad ini.

TTPR dalam kenyataannya berkata, program tersebut akan bermula dari pukul 8.30 pagi sehingga 8 malam bertujuan memberikan khidmat nasihat mengenai fungsi dan bidang kuasa organisasi itu kepada pembeli rumah.

Para pemili kediaman boleh menggunakan pelbagai cara untuk membina sebarang tuntutan seperti ganti rugi serahan lewat pemilikan koong atau serahan lewat kunci rumah.

"Selain itu, TTPR juga memperuncak tuntutan ganti rugi leceasan atau rumah yang dibina tidak mengikut spesifikasi seperti dalam perjanjian jual-beli.

"Dengan adanya promosi ini, pembeli rumah tidak perlu ke pejabat kaedah TTPR di Bangunan Persekutuan di Kepala Batas bagi menyerahkan borang tuntutan, 'jelas kenyataan berkenaan.

Tambahnya, antara dokumen yang diperlukan adalah salinan perjanjian jual-beli, surat pemilikan koong, sijil kelayaan dan yuran RM10.

Bagi yang mahu membuat tuntutan leceasan, mereka juga perlu membawa bersama gambar-gambar leceasan tersebut serta sebut harga untuk kos pembaikan.



DAPUR arang digunakan untuk melebur campuran besi.



MENGETUK bertalu-talu mata keris supaya terbentuk bilahnya.

**Utara**

Kangar  
 Tel : 04-9772291  
 Faks : 04-9779702  
 E-mel : utusanperliv@utusan.com.my

Alor Setar  
 Tel : 04-2331259